



اوتنورسيتي مليسيا قهغ السلطان عبد الله  
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
AL-SULTAN ABDULLAH**

# **GARIS PANDUAN DANA PEMULA PENGKOMERSIALAN UMPSA**

## KANDUNGAN

NO	PERKARA	MUKASURAT
1.0	Pengenalan DPPU	3
2.0	Tarikh Kuatkuasa	3
3.0	Tafsiran	
	3.1 Pinjaman Mudah	4
	3.2 Syarikat Pemula (Startup)	4
	3.3 Modal Pusingan	4
	3.4 Projek Pengkomersialan	4
	3.5 e-PITIS	4
4.0	Instrumen Undang-Undang dan Dokumen Dasar Yang Berkaitan	5
5.0	Syarat Permohonan	5
6.0	Peruntukan Siling DPPU	6
7.0	Prosedur Kelulusan	6
8.0	Surat Tawaran dan Dokumen Perjanjian	7
9.0	Pembayaran Balik DPPU	7
	Lampiran Carta Alir Proses Dana Pemula Pengkomersialan UMPSA	8

## 1.0 PENGENALAN DPPU

- 1.1 **Dana Pemula Pengkomersialan UMPSA (DPPU)** adalah dana pemula yang diberikan oleh UMPSA Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) kepada staf akademik UMPSA yang memiliki syarikat *start-up* atau terlibat dalam projek pengkomersialan. Dana Pemula ini boleh digunakan sebagai modal pusingan atau dana pendahuluan untuk menjalankan perniagaan dan aktiviti komersial.
- 1.2 **Dana Pemula** ini bersifat pinjaman mudah (tiada faedah dikenakan) dan perlu dibayar balik kepada UMPSA berdasarkan terma yang ditetapkan oleh UMPSA dan tertakluk kepada peraturan kewangan UMPSA yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.
- 1.3 Antara aktiviti yang boleh dijalankan menggunakan dana ini termasuklah, tetapi tidak terhad kepada aktiviti pembuatan (*manufacturing*), pembangunan sistem (*system development*), kajian dan validasi pasaran (*market testing and validation*), pembungkusan (*packaging*), serta pembangunan panduan penggunaan produk (*product manual development*).
- 1.4 Pihak UMPSA walau bagaimanapun berhak untuk membuat sebarang perubahan ke atas garis panduan ini pada bila-bila masa mengikut keperluan semasa.

\*\* XX – tahun & YY – bilangan projek semasa

## 2.0 TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini berkuatkuasa daripada tarikh dokumen ini diluluskan di Senat.

## 3.0 TAFSIRAN

### 3.1 Pinjaman Mudah

Pinjaman kewangan yang diberikan kepada staf akademik UMPSA yang mempunyai Syarikat Pemula UMPSA dengan syarat pembayaran balik yang lebih ringan berbanding dengan pinjaman komersial biasa.

### 3.2 Syarikat Pemula (*Startup*)

Syarikat yang ditubuhkan oleh staf akademik yang berasaskan teknologi, pengetahuan, atau inovasi yang dibangunkan di UMPSA. Syarikat ini masih di peringkat awal pembangunan dan memerlukan modal untuk mengembangkan perniagaan atau membawa produk mereka ke pasaran.

### 3.3 Modal Pusingan

Dana yang digunakan untuk menjalankan operasi perniagaan harian atau memulakan projek komersial. Modal ini biasanya digunakan untuk menampung kos seperti pembelian bahan mentah, perkhidmatan, atau pengeluaran produk.

### 3.4 Projek Komersial

Sebuah projek yang bertujuan untuk membawa e-PITIS yang dibangunkan di UMPSA ke pasaran dengan objektif untuk mendapatkan keuntungan atau impak komersial. Projek ini melibatkan aktiviti seperti pembangunan produk, kajian pasaran, pemasaran, dan penjualan.

### 3.5 e-PITIS

Kepakaran (*expertise*)/ produk (*products*)/ inovasi (*innovations*)/ teknologi (*technologies*)/ harta intelek (*intellectual properties*)/ perkhidmatan (*services*) UMPSA.

## 4.0 INSTRUMEN UNDANG-UNDANG DAN DOKUMEN DASAR YANG BERKAITAN

Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama undang-undang, peraturan, garis panduan dan polisi yang berkaitan dan berkuatkuasa dari semasa ke semasa, yang dikeluarkan sama ada oleh Kerajaan Malaysia dan/atau UMPSA.

- i. Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).
- ii. Akta Cap Dagangan 1976.
- iii. Akta UMPSA dan Kolej UMPSA 1971.
- iv. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.
- v. Garis Panduan Perundingan dan Khidmat Teknikal UMPSA.
- vi. Kanun Keseksaan (Akta 574).
- vii. Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia 2021-2030.
- viii. Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
- ix. Polisi Etika Penyelidikan UMPSA.
- x. Polisi Harta Intelek UMPSA.
- xi. Polisi Pengkomersialan UMPSA (Pindaan 2023)

## 5.0 SYARAT PERMOHONAN

5.1 Terbuka kepada kategori pemohon seperti berikut:

- i. Staf akademik bertaraf tetap yang mempunyai syarikat pemula UMPSA yang memerlukan dana pemula bagi perniagaan atau pelaksanaan projek komersial; atau
- ii. Staf akademik bertaraf tetap yang terlibat dengan pengkomersialan e-PITIS.

5.2 Syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut:

- i. Projek / produk / teknologi yang sedia untuk dikomersialkan dengan Tahap Kesediaan Teknologi (TRL - *Technology Readiness Level*) sekurang-kurangnya TRL empat (4).

- ii. Projek / produk / teknologi yang mempunyai kerjasama dengan pihak industri yang boleh meningkatkan kebolehpasaran teknologi dan potensi komersial produk antara kriteria yang diberi keutamaan.

## **6.0 PERUNTUKAN SILING DPPU**

Had nilai DPPU yang boleh diberikan kepada pemohon adalah seperti berikut:

- i. Modal Berbayar untuk Syarikat Pemula: maksimum RM50,000.00.
- ii. Wang pendahuluan Projek Pengkomersialan: maksimum RM200,000.00.

## **7.0 PROSEDUR KELULUSAN**

- 7.1 Permohonan DPPU akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengkomersialan UMPSA untuk kelulusan.
- 7.2 Ketua Projek perlu membentangkan proposal untuk penilaian dan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengkomersialan UMPSA.
- 7.3 Jumlah dana yang akan diluluskan bergantung kepada proposal yang dibentangkan serta pertimbangan lain oleh Jawatankuasa Pengkomersialan UMPSA.
- 7.4 Mana-mana ahli Jawatankuasa Pengkomersialan UMPSA yang memohon DPPU atau mempunyai kepentingan di dalam sebarang permohonan DPPU hendaklah mengecualikan diri dari proses penilaian dan membuat keputusan bagi permohonan tersebut.
- 7.5 Permohonan yang telah diluluskan akan dimaklumkan kepada pemohon dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh kelulusan dibuat Jawatankuasa Pengkomersialan UMPSA.
- 7.6 Keputusan Jawatankuasa Pengkomersialan UMPSA adalah muktamad. Sebarang rayuan tidak akan diterima.


## **8.0 SURAT TAWARAN DAN DOKUMEN PERJANJIAN**

- 8.1 Permohonan yang berjaya akan menerima surat kelulusan DPPU, borang setuju terima, dan perjanjian.
- 8.2 Pemohon hendaklah mengemukakan borang setuju terima yang telah dilengkapi kepada UMPSA dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh surat kelulusan diberikan.
- 8.3 Pemohon perlu menandatangani perjanjian dengan UMPSA sebelum dana yang diluluskan boleh dibayar kepada akaun pemohon.
- 8.4 Dokumen perjanjian tersebut juga perlu ditandatangani oleh penjamin yang berkeelayakan.

## **9.0 PEMBAYARAN BALIK DPPU**

- 9.1 DPPU hendaklah dibayar balik secara bulanan kepada UMPSA mengikut tempoh bayaran serta terma dan syarat yang ditetapkan oleh UMPSA.
- 9.2 Bayaran balik pembiayaan DPPU hendaklah bermula selepas enam (6) bulan dari tarikh Perjanjian DPPU ditandatangani.
- 9.3 Sekiranya pembayaran tidak dapat dibayar dalam tempoh yang ditetapkan, staf UMPSA dikehendaki membayar ganti rugi sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian.
- 9.4 Surat peringatan dan tindakan undang-undang akan dikenakan sekiranya pembayaran balik pembiayaan DPPU tidak dibuat mengikut perjanjian yang telah dipersetujui. Walau apapun peruntukan Perenggan 9.3, UMPSA berhak untuk membuat potongan secara automatik daripada bayaran gaji Pemohon jika sebarang bayaran ansuran DPPU tidak dibuat pada bulan semasa sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian

## LAMPIRAN CARTA ALIR PROSES KERJA DANA PEMULA PENGKOMERSIALAN UMPSA (DPPU)



**Kelulusan Mesyuarat Senat Ke-231 Bil. 2/2025 26 Mac 2025**

---

Jabatan Penyelidikan & Inovasi  
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah  
26600 Pekan Pahang Darul Makmur